

<input checked="" type="checkbox"/>	Sinar Harian
<input type="checkbox"/>	Sinar Ahad
Tarikh: 3/4/2011	
Hari: ATAS M/S: 430	
Ruangan: SUKAN	



■ Antara aksi peserta yang menyertai NPOC.

NPOC medium peminat paintball

MOHD RIZAL ABDULLAH

ALOR SETAR – Sukan paintball semakin berkembang di Malaysia. Sukan yang mendapat pengiktirafan dari Kementerian Belia dan Sukan ini adalah satu sukan lasak yang boleh mengharumkan nama negara sekiranya diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, AKR Events Sdn Bhd di bawah naungan Tunku Panglima Besar, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah, Majlis Sukan Negeri Kedah dan Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) menganjurkan Pertandingan Paintball Peringkat Utara (NPOC) di Padang Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar Kedah, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif AKR Events Sdn Bhd, Syed Mohd Johan Rizal Syed Unan Mashri berkata, pertandingan itu adalah salah satu program bersempena kempen The Road To World Cup Asia Langkawi 2011.

"Wordcup Asia Paintball (WCA 2011) adalah antara tiga pertandingan paintball berprestij di dunia. Langkawi akan menjadi

tuan rumah WCA 2011. Hampir 200 pasukan dari 20 negara akan bertanding untuk merangkuli Johan Asia," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, sebagai persediaan, program pembangunan remaja ditubuhkan dan diselia oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi memastikan sukan paintball membangun.

"Kewujudan NPOC membolehkan golongan remaja dapat dilatih untuk bertanding di arena paintball. NPOC mempunyai empat liga dan ia diadakan di empat padang paintball yang berbeza di Kedah," katanya.

Bellau berkata, idea NPOC adalah hasil dari permintaan pemain paintball terutama sekitar Utara Malaysia.

"NPOC bertindak sebagai tapak untuk pembangunan pasukan paintball di kawasan Utara seterusnya membolehkan mereka bertanding di peringkat antarabangsa bagi merebut Piala Sultan Kedah yang akan diadakan pada enam sehingga tujuh Mei 2011 di Stadium Darulaman sebelum beraksi dalam WAC pada 10 sehingga 13 November 2011," katanya.

Sementara itu, Ketua Pasukan UUM

Bouncing Hunters, Mohammad Khairi Alwi, 34, berkata, pertandingan anjuran NPOC itu harus dikekalkan kerana sukan paintball antara yang semakin mendapat perhatian.

"Sekarang, ramai yang semakin meminati sukan lasak ini. Bukan sahaja golongan remaja, tetapi juga golongan veteran," katanya.

Kumpulan yang berjaya merangkul juara keseluruhan pertandingan ini akan bertanding untuk merebut Piala Sultan Kedah.

"Alhamdulillah, berkat latihan yang berterusan, kami berjaya mencari strategi untuk mengalahkan musuh. Pertandingan kali ini juga sengit, kerana setiap kumpulan menunjukkan prestasi cemerlang," katanya.

Khairi yang juga pensyarah Universiti Utara Malaysia ini, berharap akan dapat bertanding ke peringkat Asia yang akan berlangsung di Langkawi.



■ SYED MOHD JOHAN

"Kami akan mencari strategi yang lebih berkesan untuk memastikan pihak lawan tidak akan sampai ke kubu kami.

"Permainan ini memerlukan kerjasama kumpulan yang padu kerana itulah kunci kejayaan bagi setiap kumpulan," katanya.

Dalam pada itu, peserta, Nur Shapini Mohd Shah, 22, dari kumpulan Panglima Roxc berkata, permainan paintball menguji kepantasan dan kerjasama berpasukan.

"Permainan ini memang semakin mendapat tempat terutama dalam kalangan remaja. Walaupun kos untuk ke untuk permainan ini agak mahal, tetapi ia mampu memberikan kepuasan yang maksima.

"Bagi sesiapa yang belum pernah bermain, saya sarankan luangkan sedikit masa merasa permainan ini kerana kepuasannya memang sukar digambarkan. Tambahan pula, ia menjadikan kepuasan jika anda berjaya menembak musuh dan memenangi pusingan berkenaan," katanya.

<input checked="" type="checkbox"/> Sinar Harian
<input type="checkbox"/> Sinar Ahad
Tarikh: 3/4/2011
Hari: <u>Ahad</u> M/S: <u>431</u>
Ruangan: <u>Pembangunan</u>

■ Antara aksi peserta yang pasti pasti menarik perhatian penonton.



■ Seorang peserta cuba bersembunyi untuk mengelak tembakan musuh.

“ Permainan ini memang semakin mendapat tempat terutama dalam kalangan remaja. Walaupun kos untuk ke untuk permainan ini agak mahal, tetapi ia mampu memberikan kepuasan yang maksima!



- Nur Shapini

